



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu Epid ke 12 (22 hingga 28 Mac 2009)

Situasi Denggi telah menunjukkan tren peningkatan untuk dua minggu berturut-turut, di mana pada minggu epid ke-12 sejumlah 1,175 kes dilaporkan dengan tiga kematian iaitu dua kes di Selangor dan satu kes di Negeri Sembilan berbanding minggu sebelumnya sebanyak 1029 kes, peningkatan sebanyak 146 (14%) kes. Peningkatan kes Denggi pada minggu ini melibatkan lapan buah negeri iaitu Pulau Pinang (100%), Perak (56%), Negeri Sembilan (41%), Sarawak (31%), Terengganu (29%), Johor (12%), Selangor (12%) dan Sabah (8%). Sehingga kini jumlah keseluruhan kes Denggi ialah 14,108 kes, meningkat sebanyak 4,867 (53%) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008.

Kes kematian Denggi juga meningkat pada tahun ini, di mana jumlah keseluruhan kematian adalah sebanyak 38 kes, meningkat 19 kes (100%) berbanding dalam tempoh yang sama tahun 2008. Selangor mencatatkan kematian tertinggi iaitu 25 kes (66%), WPKL & Putrajaya 5 kes (13%), Negeri Sembilan 4 kes (11%), Johor 2 kes (5%) dan masing-masing satu kes di Pahang dan Sabah. (Sila rujuk Lampiran A).

Pada minggu ini sebanyak 27 lokaliti “Hot spot” baru dilaporkan dan terdapat 13 lokaliti telah bebas “Hot Spot”. Ini menjadikan jumlah keseluruhan lokaliti “Hot Spot” sehingga minggu epid ke-12 adalah sebanyak 94 lokaliti, dengan 96% daripadanya berada di negeri Selangor. (Sila rujuk lampiran C,D dan E).

Tindakan pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan & Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan yang melaporkan kes denggi pada minggu lepas menunjukkan 85% premis positif pembiakan *Aedes* adalah rumah kediaman dan kedai. Pembiakan *Aedes* yang tinggi juga ditemui di pembahagi jalan, tapak binaan, kawasan kilang dan kawasan sekolah. Ini menunjukkan sebilangan besar masyarakat masih lagi tidak prihatin tentang bahaya pembiakan *Aedes* di sekitar kawasan kediaman mereka. Tindakan penguatkuasaan kepada pemunya premis yang didapati membiak *Aedes* dan menyimpan takungan berpotensi pembiakan *Aedes* di premis juga telah dijalankan. Sebanyak 423 kompaun bernilai RM76,760.00 dan 312 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan di seluruh negara. Prestasi aktiviti gotong royong juga masih kurang memuaskan di mana hanya 66 (64%) sahaja aktiviti dapat dijalankan berbanding 104 sasaran yang sepatutnya dilakukan.

Bagi penyakit Chikungunya sebanyak 45 kes telah dilaporkan di seluruh negara pada minggu ini, meningkat sebanyak 9 kes (25%) jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya (36 kes). Jumlah keseluruhan kes Chikungunya tahun 2009 adalah 1,117 kes dan tiada kematian dilaporkan. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.

Penyakit demam Denggi dan Chikungunya merupakan penyakit yang mudah merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes*, tetapi sebenarnya penularan penyakit ini boleh dicegah melalui kerjasama semua pihak yang terlibat terutamanya anggota masyarakat. Berikut adalah langkah bijak yang boleh mengelakkan kita daripada dijangkiti demam Denggi atau Chikungunya;

- a. Periksa dan hapuskan bekas berpotensi atau tempat pembiakan nyamuk *Aedes* seperti tayar lama, bekas tong cat, bahan plastik, kaca & polisterin di dalam dan luar rumah dengan luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu.
- b. Seterusnya bagi mengelakkan *Aedes* membiak, tempat-tempat utama yang perlu dibersihkan adalah pasu dan alas pasu bunga, kolah mandi dan pada lantai simen yang menakung air lebih dari seminggu.
- c. Membubuh bahan pembunuh jentik-jentik (temephos) di dalam bekas takungan air yang sukar dikosongkan seperti tangki air utama.
- d. Dapatkan rawatan segera apabila anda mengalami tanda penyakit demam denggi contohnya, demam, sakit badan, sakit kepala, ruam dan lain-lain di klinik berhampiran. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 30 March 2009

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2009
(22 – 28 MAC 2009)**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga 28 Mac 2009	Jumlah Kes Bagi Tempoh Sama 2008
		Minggu 12/09 (22-28 Mac)	Minggu 11/09 (15-21 Mac)		
1.	Perlis	4	5	42	24
2.	Kedah	15	17	323	278
3.	P. Pinang	64	32	698	404
4.	Perak	86	55	1209	1014
5.	Selangor	678 (2)	605 (1)	7571 (25)	3499
6.	WPKL & Putrajaya	80	99	1241 (5)	1118
7.	N. Sembilan	24 (1)	17 (1)	250 (4)	259
8.	Melaka	10	13	173	134
9.	Johor	66	59	718 (2)	662
10.	Pahang	11	13	290 (1)	382
11.	Terengganu	32	17	321	452
12.	Kelantan	28	33	428	364
13.	Sarawak	47	36	533	359
14.	Sabah	26	24	294 (1)	275
15.	WP Labuan	4	4	17	17
	Jumlah	1,175 (3)	1,029 (2)	14,108 (38)	9,241 (19)

Nota:

() Kematian

Angka tebal merah (bold) = kes meningkat.

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID 12 DAN 11 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-12 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 12 (22-28 Mac 09)	Minggu 11 (15-21 Mac 09)		
1	Selangor	18	4	253	353
2	Kelantan	4	13	263	135
3	Perak	12	8	230	590
4	Johor	6	5	103	1,846
5	Kedah	1	0	31	181
6	Pahang	0	2	55	341
7	Pulau Pinang	0	1	48	6
8	WP KL-Putrajaya	1	0	60	27
9	Negeri Sembilan	2	3	27	176
10	Perlis	0	0	14	3
11	Melaka	0	0	0	606
12	Terengganu	1	0	32	4
13	Sarawak	0	0	1	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	45	36	1,117	4,271

Angka tebal merah (bold) = kes meningkat.

Bilik CPRC
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

30 March 2009

Lampiran C

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 28 Mac 2009 (Mg 12/2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres D	46	150
2	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres A	54	141
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 18 Flat 18/43	35	130
4	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Perdana	57	126
5	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa C	65	126
6	SELANGOR	GB	Kg Laksamana	45	125
7	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A1	61	120
8	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A2	42	120
9	SELANGOR	MBSA	Seksyen 6 Flat	27	111
10	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres B	34	110
11	SELANGOR	MBSA	Seksyen 27 Teres C	57	103
12	SELANGOR	MBSA	Seks 33 Taman Alam Indah	26	102
13	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres B	18	98
14	SELANGOR	MBSA	Seksyen 8 Flat 8A	26	94
15	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puchong Jaya	53	93
16	SELANGOR	MPK	Persiaran Bukit Raja	20	87
17	SELANGOR	MBSA	Seksyen U5 Nusa Subang	12	85
18	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong	45	84
19	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	70	83
20	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri	16	77
21	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Teres D	32	73
22	SELANGOR	MPK	Taman Cempakasari Zon 2	9	68
23	SELANGOR	HS	Apt. Teratai, Bukit Beruntung	21	67
24	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F1	16	63
25	SELANGOR	MPKj	Sg Chua	7	61
26	SELANGOR	GB	Taman Laksamana Puri	9	61
27	SELANGOR	PT	Seksyen 17C	16	60
28	SELANGOR	MBSA	Seksyen 17 Teres A	18	59
29	SELANGOR	GB	Kg Nakhoda Kiri	10	59
30	SELANGOR	GB	Kg Bendahara	14	57

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
31	SELANGOR	MBSA	Seksyen U3 Appt Daisy	7	56
32	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Flat D	21	56
33	SELANGOR	MPKj	Taman Kajang Raya	9	55
34	SELANGOR	MPK	Taman Palm Grove	18	55
35	SELANGOR	GB	Taman Jasa Utama	6	54
36	SELANGOR	MPS	Kg Melayu Batu 16	16	53
37	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Permai	22	51
38	SELANGOR	MPKj	Taman Cheras Jaya	11	51
39	SELANGOR	SB	Taman Berkat Sg Besar	10	50
40	SELANGOR	PT	Seksyen 24 A	11	49
41	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Indah	14	47
42	SELANGOR	MPAJ	Taman Ampang Jaya (Zon D)	11	47
43	SELANGOR	MPK	Pandamaran Jaya Zon 1	9	47
44	SELANGOR	HS	Apt. Ros 2 Bukit Sentosa	12	47
45	SELANGOR	MBSA	Seksyen 16 Apt. Anggerik	6	46
46	SELANGOR	MPKj	Taman Semenyih	4	46
47	SELANGOR	MPKj	Seksyen 2, Bandar Baru Bangi	6	46
48	SELANGOR	MPK	Taman Eng Ann Zon 6	8	46
49	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon C)	5	45
50	SELANGOR	MPS	Bandar Tasik Puteri AZ 2	20	44
51	SELANGOR	MPSJ	Putera Height	12	44
52	SELANGOR	MPKj	Zon 3 Seksyen 1 BB Bangi	7	44
53	SELANGOR	MPKj	Seksyen 7 Bdr Tasik Kesuma	11	44
54	SELANGOR	MPK	Jalan Batu 3 Lama	5	43
55	SELANGOR	MPSJ	Lestari Putera	7	42
56	SELANGOR	MPKj	Zon 5 Seksyen 4 BB Bangi	13	42
57	SELANGOR	MPSJ	Batu 13	7	41
58	SELANGOR	MPKj	Zon 3 Seksyen 16 BB Bangi	12	41
59	SELANGOR	MPKj	Taman Kasturi	6	41
60	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Semarak Seksyen 4 PJU 5	16	40
61	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	13	40
62	SELANGOR	MPK	Taman Bayu Perdana Zon 3	9	40
63	SELANGOR	KL	Taman Sri Putra	4	40

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
64	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres B	4	39
65	SELANGOR	MPK	Taman Kim Chuan	7	39
66	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 11	7	39
67	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 1	6	38
68	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 3	5	38
69	SELANGOR	GB	Kg Wira Damai	8	38
70	SELANGOR	SB	Site B Sekincan	5	38
71	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Jaya	12	36
72	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Perdana	11	36
73	SELANGOR	MPSJ	Taman Kinara	11	36
74	SELANGOR	MPAJ	Taman Kosas (Zon B)	7	36
75	SELANGOR	GB	Taman Sri Gombak Z4	8	35
76	SELANGOR	GB	Kg Indah Settlement	7	35
77	SELANGOR	MBSA	Zon 1 Kg Baru Sg Buloh	4	34
78	SELANGOR	MPKj	Appt Baiduri, Bd Tsk Kesuma	10	34
79	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Apt. Baiduri	12	33
80	SELANGOR	MBSA	Seksyen 10 (Eps 2)	7	33
81	SELANGOR	GB	Puteri Laksmana	7	33
82	SELANGOR	MBSA	Seksyen U12	3	32
83	SELANGOR	MPK	Taman Meru 4	4	32
84	SELANGOR	GB	Bukit Idaman	5	32
85	SELANGOR	GB	Taman Selasih Fasa 1	4	32
86	SELANGOR	MPS	Bukit Rawang jaya	7	31
87	SELANGOR	MPKj	Taman Putera Kajang	5	31
88	SELANGOR	MPKj	Taman Jasmin	5	31
89	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 3	15	31
90	SELANGOR	MPK	Taman Sri Andalas Zon 4	8	30
91	PERAK	M.P.Taiping	Kg Jambu Taiping	6	39
92	WPKL	Putrajaya	Rmh Teres Jln P11 A2	14	37
93	WPKL	Putrajaya	Rmh Teres Jln P11A1	8	34
94	SARAWAK	PBT	Kpg Sg Bedil Besar	10	34

Lampiran D

SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 12 (22 – 28 MAC 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tamat Pada
1	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A2	42	07.04.09
2	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Permai	22	17.04.09
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres B	4	18.04.09
4	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 11	7	19.04.09
5	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Jaya	12	15.04.09
6	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Perdana	11	14.04.09
7	SELANGOR	MPSJ	Taman Kinara	11	19.04.09
8	SELANGOR	MPAJ	Taman Kosas (Zon B)	7	18.04.09
9	SELANGOR	GB	Taman Sri Gombak Z4	8	17.04.09
10	SELANGOR	GB	Kg Indah Settlement	7	16.04.09
11	SELANGOR	MBSA	Zon 1 Kg Baru Sg Buloh	4	10.04.09
12	SELANGOR	MPKj	Appt Baiduri, Bd Tsk Kesuma	10	19.04.09
13	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Apt. Baiduri	12	19.04.09
14	SELANGOR	MBSA	Seksyen 10 (Eps 2)	7	16.04.09
15	SELANGOR	GB	Puteri Laksmana	7	14.04.09
16	SELANGOR	MBSA	Seksyen U12	3	15.04.09
17	SELANGOR	MPK	Taman Meru 4	4	16.04.09
18	SELANGOR	GB	Bukit Idaman	5	10.04.09
19	SELANGOR	GB	Taman Selasih Fasa 1	4	12.04.09
20	SELANGOR	MPS	Bukit Rawang jaya	7	15.04.09

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkump ul	Tamat Pada
21	SELANGOR	MPKj	Taman Putera Kajang	5	16.04.09
22	SELANGOR	MPKj	Taman Jasmin	5	17.04.09
23	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 3	15	22.04.09
24	SELANGOR	MPK	Taman Sri Andalas Zon 4	8	20.04.09
25	WPKL	Putrajaya	Rmh Teres Jln P11 A2	14	31.03.09
26	WPKL	Putrajaya	Rmh Teres Jln P11A1	8	29.03.09
27	SARAWAK	PBT	Kpg Sg Bedil Besar	10	30.03.09

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 12 (22-28 MAC 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	GB	Taman Sri Gombak Z3	49	159
2	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	12	65
3	SELANGOR	MPK	Taman Setia	11	65
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Indah (Zon C)	6	57
5	SELANGOR	GB	Appt. Fiona	7	56
6	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A2	42	113
7	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	68	76
8	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Permai	17	44
9	JOHOR	PBT	Austin Hight	8	36
10	JOHOR	PBT	Tmn.Universiti - Appt Meranti	5	34
11	JOHOR	PBT	Flat Tmn Daya,Jln Bertam	6	32
12	WPKL	Damansara	TTDI Kws A	9	33
13	WPKL	Putrajaya	Rumah Teras Jln P11/ A2	12	31